



**SIARAN AKHBAR
MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN TAHLIL
BAGI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
IBNI AL-MARHUM SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM, AL-MARHUMAH DULI RAJA
ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT BINTI AL-MARHUM PENGIRAN BENDAHARA PENGIRAN
ANAK ABDUL RAHMAN DAN AL-MARHUM DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI
PENGIRAN MUDA HAJI 'ABDUL 'AZIM IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA
BAGI TAHUN 1444H / 2023M**

**Hari Isnin, 10 April 2023M (19 Ramadan 1444H)
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**

Bersempena bulan Ramadan yang mubarak ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil pada hari Isnin, 10 April 2023M bersamaan 19 Ramadan 1444H yang bertempat di Kubah Makam Diraja dengan seramai 250 orang pegawai dan kakitangan.

Majlis tersebut dikhususkan bagi Paduka Ayahanda dan Paduka Bonda serta Anaknda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin. Turut hadir ialah Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, serta Pegawai dan Kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yasin dan Tahlil serta Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Mulia Muhd Zakaria bin Haji Salleh, Pegawai Hal Ehwal Masjid (Masjid Kampong Pulaie), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam